


Makmal terapi senaman sedia program pemulihan secara percuma

# UMS bantu pulih pesakit strok

UM 13-06-2012 26



SEORANG pesakit strok dibantu oleh pelatih Program Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS), di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini. - UTUSAN/SITTI NOR AZIZAH TALATA

Oleh SITTI NOR AZIZAH TALATA  
utusanabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 12 Jun - Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengorak langkah dalam membantu pesakit strok melalui penyediaan program pemulihan terapi senaman.

Ia direka menerusi penyelidikan yang dilakukan oleh pensyarah Program Sains Sukan UMS, Dr. D. Maryama Awang Daud dengan bantuan penuntut program sarjana dan ijazah pertama dalam bidang kejuruteraan sukan universiti berkenaan.

“Beberapa pesakit telah diuji dalam terapi ini. Dua pesakit telah sembuh sepenuhnya manakala yang lain menunjukkan pemulihan yang ketara,” katanya di sini baru-baru ini.

Maryama berkata, antara tanda positif yang ditunjukkan ialah para pesakit tidak lagi memerlukan tongkat ketika berjalan, mampu duduk dan berdiri dengan sendiri atau tanpa bantuan.

Begitupun katanya, jangka masa pemulihan dan peratus pemulihan seseorang pesakit bergantung kepada beberapa faktor seperti tahap kerosakan otak semasa serangan strok, lokasi kerosakan otak, motivasi pesakit dan tempoh masa yang diambil untuk mula menjalani terapi senaman selepas diserang strok.

Menurutnya, pesakit yang mula menjalani terapi senaman dalam

Beberapa pesakit telah diuji dalam terapi ini. Dua pesakit telah sembuh sepenuhnya manakala yang lain menunjukkan pemulihan yang ketara

D. MARYAMA AWANG DAUD  
Pensyarah Program Sains Sukan UMS

jangka masa enam bulan selepas serangan strok mempunyai peluang tinggi untuk sembuh sepenuhnya.

Apa yang lebih penting jelas beliau, sokongan dan motivasi daripada masyarakat sekeliling terutama keluarga terdekat merupakan antara faktor yang menyumbang dalam tempoh pemulihan pesakit.

Katanya, program terapi senaman itu dijalankan di Makmal Terapi Senaman Sains Sukan UMS sejak Mac tahun lalu yang memfokuskan secara khusus kepada penguasaan semula kemahiran asas para pesakit seperti berjalan, duduk dan berdiri.

“Sehingga kini kami mempunyai seramai 12 pesakit strok yang datang menjalani program pemulihan tersebut secara percuma sebanyak dua kali seminggu,” katanya.